

# Jalan pertanian tidak semp

*Lebih 50 petani hadapi kesukaran keluarkan hasil ladang*

**LEMBAH BERINGIN** - Lebih 50 petani di ladang Bukit Belatar, di sini, menghadapi kesukaran mengeluarkan hasil pertanian berikutan masalah jalan yang tidak sempurna, rosak dan berlubang.

Kebanyakan penduduk yang mengusahakan ladang getah dan kelapa sawit terpaksa mengehendakan pengeluaran hasil mereka kerana tidak dapat membawa jumlah yang banyak disebabkan masalah itu.

Petani, R Paniarselvam, 51, berkata, ladang getah seluas 1.2 hektar milik ayahnya di kawasan itu perlu diusahakan, namun masalah jalan menjejaskan usaha berkenaan.

"Susah nak bawa banyak hasil getah keluar sebab hanya boleh bawa naik motosikal. Kereta tak ada.

"Motosikal pula boleh bawa dua tong saja, itu pun takut terbalik nanti. Sebab itu, kalau jalan elok mudah untuk kami semua," katanya semalam.

Paniarselvam berkata, sudah ramai petani yang kemalangan ketika mengeluarkan hasil pertanian mereka termasuk dirinya sendiri.

Katanya, tiga bulan lalu, seorang warga emas patah leher akibat terjatuh ketika membawa keluar getah menggunakan motosikal dan kini tiada sesiapa mengusahakan ladang getahnya kerana mangsa terpaksa berehat panjang.

Menurutnya, keadaan jalan diburukkan lagi apabila terdapat segelintir petani di ladang bersebelahan menggunakan laluan mereka untuk bawa keluar kelapa sawit menggunakan lori.

"Terdapat dua laluan ke kawasan ini iaitu melalui Sungai Sabai di Kalumpang, tapi jalan itu jauh. Sebab itu, ada petani yang menggunakan jalan ini ke ladang mereka yang diusahakan syarikat swasta.

"Keadaan itu menyebabkan jalan kami rosak dan cuaca hujan memaksa kami yang meng-


gunakan motosikal berjalan kaki," katanya.

Seorang lagi petani, P Poongavanam, 56, berkata, kawasan pertanian mereka di Bukit Belatar dahulunya termasuk dalam rancangan Revolusi Hijau melibatkan pembangunan pertanian berpuluh hektar tanah.

"Berpuluh hektar tanah di sini diusahakan oleh penduduk asal. Kami terdiri daripada 18 India, 12 Melayu dan 22 Cina serta ramai lagi yang telah menyertai Felcra ketika itu. Tetapi masing-masing menghadapi masalah jalan pertanian," katanya.

Menurutnya, dia sudah mengajukan masalah itu kepada Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong untuk mencari jalan penyelesaian.

*Sinar Harian* difahamkan, terdapat peruntukan RM100,000 pernah diberikan oleh bekas pemimpin kawasan itu pada 2007 untuk tujuan membina jalan, namun tidak diketahui ke mana peruntukan itu disalurkan.



**Paniarselvam menunjukkan keadaan jalan ke ladang B rosak dan berlubang.**